



TERMA & GARIS PANDUAN PENERBITAN

TERMA DAN GARIS PANDUAN PENERBITAN						
PKKM	HALAMAN	2/5	NO. SEMAKAN	-	TARIKH SEMAKAN	-

Terma dan garis panduan ini disediakan khusus bagi merujuk kepada penerbitan buku kompilasi Cabaran Melayu Kontemporari

1.0 PERUNTUKAN PENERBITAN

1.1 Pembiayaan penerbitan ini ditaja dan ditanggung oleh pihak pengurusan penerbitan menggunakan peruntukan yang diluluskan.

2.0 AKTA HAK CIPTA

2.1 Penerbitan ini tertakluk kepada akta hak cipta pihak penerbit.

2.2 Penulis tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, jadual, isi kandungan mana-mana buku terbitan dalam apa juga bentuk, dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

2.2 Sebarang keizinan bagi menerbitkan semula kandungan makalah yang telah dihantar untuk diterbitkan bagi buku ini perlu mendapat persetujuan pihak penerbit dan tertakluk kepada syarat atau Akta Hak Cipta.

3.0 PANDUAN PENERBITAN

3.1 Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM), akan mengurus pengumpulan dan penerimaan manuskrip bagi penerbitan ini.

3.2 Penilai bagi manuskrip / makalah yang bersesuaian bidang akan dilantik oleh Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM).

3.3 PKKM berhak menolak, dan melarang mana-mana manuskrip yang dipercayai mempunyai elemen yang bertentangan dengan dasar Universiti atau boleh membawa serta menjejaskan nama baik Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM) daripada diterbitkan.

3.4 Keputusan penilaian penerbitan adalah muktamad. Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM) akan memaklumkan kepada Penulis /pengarang tentang status kelulusan bagi sesebuah manuskrip, dan untuk proses selanjutnya.

TERMA DAN GARIS PANDUAN PENERBITAN						
PKKM	HALAMAN	3/5	NO. SEMAKAN	-	TARIKH SEMAKAN	-

3.5 Manuskrip dalam bentuk *soft copy* atau *hardcopy* yang ingin diterbitkan perlu diserahkan kepada:

Pengarah,
Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu
Bangunan Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
E-Mel :pkkm@um.edu.my

3.6 Setiap penerbitan akan dicetak bilangannya berdasarkan keperluan.

4.0 PANDUAN PENULISAN

4.1 **Panduan Penulisan Buku** (termasuk buku kompilasi penulisan / himpunan makalah)

4.1.1 Manuskrip ditulis dalam bahasa Melayu.

4.1.2 Nama, gelaran, jawatan, alamat penuh, nombor telefon, dan butir-butir mengenai penulis hendaklah diisi dengan lengkap di dalam **Borang Penyerahan Manuskrip**.

4.1.3 Manuskrip hendaklah ditaip pada kertas putih bersaiz A4, langkau dua baris, menggunakan **Font Times New Roman, saiz 12** serta menggunakan sistem rujukan APA (American Psychological Association).


4.1.4 Jumlah patah perkataan (bagi setiap satu artikel yang akan diterbitkan dalam buku kompilasi penulisan / himpunan makalah) adalah antara 3,000 hingga 5,000 patah perkataan.

4.1.5 Penulisan boleh mengandungi nota kaki, jadual dan rajah (sekiranya ada) dan perlu memuatkan bibliografi atau rujukan pada bahagian akhir manuskrip.

4.1.6 Penulis tidak boleh menghantar manuskrip yang telah ditulis oleh penulis lain atau manuskrip yang telah diterbitkan oleh media cetak, media elektronik atau lain-lain bentuk terbitan.

4.2 Carta Alir Penerbitan Buku

Carta Alir Penerbitan Buku (termasuk buku kompilasi penulisan / himpunan makalah) adalah seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Carta Alir Penerbitan Buku (termasuk buku kompilasi penulisan / himpunan makalah)

TERMA DAN GARIS PANDUAN PENERBITAN						
PKKM	HALAMAN	5/5	NO. SEMAKAN	-	TARIKH SEMAKAN	-

6.0 PERATURAN AGIHAN NASKHAH

Peraturan Agihan Naskah adalah seperti dalam Jadual 1.

Buku Kompilasi Penulisan	Penulis	20 naskah bagi penulis tunggal 5 naskah bagi buku kompilasi
	Penilai	1 naskah
	Editor /Penyunting	2 naskah (buku kompilasi)
	Pembaca pruf	1 naskah (jika ada)
	Perpustakaan dan pihak berkepentingan	(Mengikut kesesuaian) Perpustakaan Negara : 5 Naskhah Lain-lain Perpustakaan : 1/2/3 naskhah

7.0 IMBUHAN DAN PEMBAYARAN

7.1 Imbuan Kewangan

- 7.1.1 Bagi penerbitan ditaja sepenuhnya, tiada imbuan kewangan akan diberikan kepada penulis.

8.0 PEMASARAN

Pihak penerbit / pihak yang mengurus penerbitan ini berhak membuat pemasaran, dan jualan buku terbitannya.